

BAB TIGA

BAB TIGA : SEKULARISME DAN UMAT ISLAM

3.0 PENGENALAN

Cabaran sekularisme meninggalkan kesan yang mendalam terhadap kehidupan umat Islam dan menggugat akidah sesebuah umat yang diamanahkan memimpin dunia. Melalui bab ini kita dapat melihat bagaimana unsur-unsur sekularisme diserap ke dalam kehidupan dan golongan yang bertanggungjawab menyebarkannya lantas diterima sebagai satu fahaman hidup.

Walaupun zaman Perang Salib telah berlalu dan umat Islam berjaya menewaskan musuhnya namun terdapat di kalangan kita yang tewas dengan serangan-serangan baru yang berbentuk ideologi dan budaya. Ternyata peperangan di sudut mental ini telah berjaya sehingga ia secara senyap dan cepat meresapi jiwa misalnya menyebabkan perpaduan umat Islam sering tergugat. Segala permasalahan akan diselesaikan mengikut ideologi asing yang diyakini berkesan untuk menyelesaiannya dan mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan tuntutan Islam. Seterusnya terdapat di kalangan pemimpin Islam yang menjadi agen dari fahaman ini yang boleh menggugat kemurnian dan keselamatan agama dan umat Islam.

Oleh itu kajian dan tindakan perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menghalang golongan sekular dan musuh-musuh Islam dari terus mengancam kehidupan manusia. Malah ideologi ini tidak akan bertapak dan berkembang jika umat Islam menyedari hakikat diri mereka sebagai hamba Allah.

Serangan musuh-musuh Islam untuk melemahkan umat sudah pasti menyebabkan kepincangan akidah, mengabaikan perundangan Islam atau menerimanya dalam sesetengah perkara sahaja, wujudnya pelbagai budaya mungkar dalam masyarakat, mengengkari ketokohan Rasulullah s.a.w dan tokoh-tokoh agama sebagai contoh teladan yang unggul dan melahirkan masyarakat yang memperjuangkan kebendaan semata-mata. Untuk lebih mengetahui musuh Islam yang sebenar perlu dilihat dari aspek sejarah yang dapat memberikan pengajaran kerana sejarah itu akan berulang kembali dan melalui sejarah juga kita akan mengetahui apa yang akan berlaku pada masa depan.

Serangan musuh-musuh ini melalui idea akan dapat mensekularkan peradaban manusia dan contoh jelas adalah negara Turki yang mengamalkan pensekularisasi dalam segala lapangan hidup. Sehingga hari ini tidak ada suatu pun peradaban tinggi yang lahir dari proses pensekularisme ini di Turki berbanding di zaman pemerintahan kerajaan Othmaniyah dahulu walaupun dianggapnya lemah dan zalim. Ternyata contoh ini tidak harus diabaikan dan sehingga kini fahaman sekular di negara tersebut terus mencengkam pemikiran dan sanubari rakyatnya. Malah apa-apa unsur agama yang menurut fahamannya boleh mencemarkan budaya dan pandangan hidup akan dibanteras atas alasan boleh menggugat keharmonian masyarakat dan negara.

3.1 PANDANGAN ISLAM TERHADAP SEKULARISME

Seperti yang telah dinyatakan Islam dan sekularisme amat bertentangan dan sudah pasti Islam menolak apa juga unsur yang mengandungi elemen-elemen sekularisme. Mengapa Islam menolaknya? Malah apakah yang menyebabkan ia boleh merosakkan umat Islam? Islam sebagai satu cara hidup adalah bersifat sepakar dan menyeluruh termasuklah

segala aspek-aspek politik, ekonomi, sosial dan seluruh kehidupan. Oleh itu agama tidak boleh dipisahkan walau dari aspek apa sekalipun sebagaimana yang diamalkan oleh golongan sekular yang meminggirkannya dari kehidupan manusia.

Berdasarkan hakikat ini peranan agama dalam kehidupan adalah utama dan penting yang berbeza dari sekular. Pada pandangan Islam golongan sekular yang melihat agama sebagai sesuatu yang bersifat peribadi nampaknya berjaya mendominasi pemikiran manusia. Malah ia diamalkan oleh sebahagian besar umat Islam yang berlandaskan kehidupan secara Barat sekular. Menurut Wan Abdul Rahman Wan Abd Latif dari UKM menjelaskan “Dalam hal ini contoh yang paling jelas ialah hakikat di mana umat Islam agak selesa untuk melakukan ibadah sembahyang Jumaat *tetapi tidak rasa terpanggil* untuk bersama Jamaah atau Harakah Islamiah apabila berada di luar masjid atau surau setelah selesaiya sembahyang.”¹ Jelas di sini ajaran Islam hanya dilaksanakan jika berada di tempat atau situasi keagamaan sahaja lantas melupakannya jika berada di luar lingkungan atau lokasi bercorak keagamaan. Ini menunjukkan Islam hanya diamalkan dalam beberapa situasi sahaja.

Peningkatan keupayaan penguasaan material tanpa selari dengan tuntutan kerohanian ditolak oleh agama Islam. Prinsip yang diperjuangkan oleh golongan sekular ini yang berjuang mencari kekayaan dalam urusan hidup telah berjaya mempengaruhi umat Islam. Oleh itu agama telah dipinggirkan dari kehidupan dan pencapaian kebahagiaan ialah melalui kehidupan yang bebas untuk mendapatkan nikmat kehidupan.

Menurut Hj. Wan Abdul Rahman Wan Abd. Latif lagi melalui kertas kerja bertajuk ‘Sekularisme Politik dan Survival Ummah’ menyatakan pandangannya bahawa “Peringkat

kedua penggunaan sekularisme ialah dengan mengaitkannya dengan sistem pemikiran yang mengeluarkan aspek ketuhanan dari kehidupan manusia.”² Contoh jelas ialah Marxisme yang melihat agama sebagai candu masyarakat manakala rasionalisme pula mengagungkan akal manusia tanpa merujuk kepada sumber wahyu. Ini kerana hanya yang bersifat saintifik sahaja yang dapat diterima sebagai logik akal. Penerapan fahaman ini jelas diamalkan oleh Rusia yang mengamalkan ideologi komunis sehingga membawa kejatuhan akibat menyingkirkan agama dari kehidupan dan negara.

Kini terdapat idea sekularisme baru ataupun *neo-secularisme* yang membawa erti agama tidak mendominasi kehidupan manusia walaupun mereka mengamalkan kehidupan beragama. Ini menunjukkan agama digunakan bagi tujuan-tujuan dan pada masa tertentu sahaja misalnya mereka tidak menghayati konsep bahawa ibadat dapat mencegah dari melakukan kemungkaran. Hj. Wan Abdul Rahman Wan Abd Latif sekali lagi menambah bahawa kandungan Perlembagaan Malaysia menyatakan :

“Peruntukan Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Negara kita yang menyebut agama Islam sebagai agama Persekutuan (*the religion of federation*) bukan agama rasmi (*official religion*) tidak menjamin kedaulatan Islam.”³

Ini bermakna negara Malaysia bukannya sebuah negara Islam tetapi negara sekular dan sudah tentunya mengandungi unsur-unsur sekular dalam pemerintahan. Namun kesedaran untuk meningkatkan syiar Islam semakin memuncak dan kepentingan hal ini disedari oleh pihak pemerintah khasnya. Walaupun begitu dalam beberapa hal agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia telah mendapat beberapa keistimewaan berbanding agama-agama yang lain.

Selain itu Islam memandang prinsip pegangan sekular tidak membawa hakikat kehidupan yang sebenar kerana berdasarkan rasional dan akal semata-mata. Prinsip yang dimaksudkan itu ialah kebebasan dari kongkongan kepercayaan yang lain adalah penting untuk keharmonian hidup. Ia lebih menekankan kebenaran sekular seperti yang diperolehi melalui pengalaman hidup. Misalnya ilmu sekular hanya ditumpukan dalam konteks duniawi untuk kemajuan tanpa diselitkan unsur-unsur keagamaan di dalam sukan pelajarannya. Ilmu yang boleh membawa makna dijiwa (dijiwai) dan boleh dihayati yang bersifat *Essence Theory of Knowledge* kurang diberi penekanan kerana tiada unsur saintifik seperti ilmu yang dapat membuka minda manusia agar kagum melihat kebesaran Tuhan yang dimanifestasi-Nya di dunia ini. Ilmu sekular sekalipun mempunyai nilai-nilai keagamaan namun ia cuma seminimum mungkin iaitu konsep moral. Moral yang dianjurkan lebih bersifat liberal untuk matlamat kebahagiaan manusia. Atas alasan ini Islam memberikan alasan bahawa dengan akal dan rasional semata-mata tidak akan dapat menyelesaikan masalah dan selama itulah manusia terus berada dalam situasi kecelaruan dan ketiadaan matlamat kehidupan yang jelas. Pada pandangan Islam pula matlamat kehidupannya ialah menuju kebahagiaan di akhirat yang abadi.

Pada pandangan sekular adalah tidak wajar dalam memberikan hukuman jika sesuatu kesalahan belum dapat dibuktikan dan jika ada pun ia dianggap kesan dari kurangnya ilmu pengetahuan (seperti dalam penyelidikan sains) dan yang bertunjangkan akal. Pandangan ini pastinya ditentang oleh Islam kerana hukuman perlu dilaksanakan untuk diberi pengajaran kepada manusia misalnya konsep kehidupan utilitarian tidak harus dianggap remeh kerana boleh mendatangkan kesan yang buruk. Sebenarnya hukuman yang harus mereka lihat adalah dari Tuhan tetapi dianggap sebagai lumrah kehidupan. Contohnya bencana alam seperti gunung berapi dikatakan berpuncak dari proses alam, atom-

atom dan jisim di dasar bumi. Amerika kini menghadapi pelbagai masalah kehidupan akibat penyisihan agama dari kehidupan untuk kemajuan buktinya :

“...Amerika sekarang ini menghadapi salah satu bahaya kehancuran. Jadi kalau-lah negara-negara yang belum ‘membangun’ mencontohi dengan membuta-tuli apa yang kami lakukan, maka mereka pun akan terancam pula oleh bahaya yang kami hadapi sekarang ini.”⁴

Peristiwa ini membuktikan pelbagai aliran fahaman yang terbit dari sekularisme adalah meninggalkan kesan yang buruk dan harus dielak terutamanya yang bersifat budaya melalui penguasaan pemikiran umat Islam.

Seterusnya Barat seolah-olah ingin mencari suatu pegangan atau kepercayaan baru yang dianggap dapat mengisi kekosongan jiwa kerana agama tidak mampu menyaingi sekularisme dari segi ilmiah di Barat. Kesannya muncullah ‘agama baru’ yang dianggap berperanan penting. Manakala Islam sememangnya memandang pegangan sekular sebegini adalah sesat kerana tidak mungkin agama ciptaan manusia adalah sempurna. Ia dapat dibuktikan menerusi dialog di antara Arnold Toynbee dengan Daisaku Ikeda dalam buku ‘Memilih Kehidupan Satu Dialog’ iaitu:

“...biarlah saya memberi beberapa perincian mengenai caranya akan kemajuan saintifik, nasionalisme dan faham komunis mendapat tempat yang penting dalam pemikiran dan kepercayaan orang-orang Eropah.”⁵

Kenyataan ini dibuat oleh Toynbee yang menganggap kemajuan saintifik, nasionalis dan komunis dapat memberikan penyelesaian terhadap keperluan-keperluan baru manusia yang sentiasa berubah. Idea-idea oleh sarjana Barat ini mengukuhkan lagi kedudukan

sekularisme dan menunjukkan betapa perlunya agama diasingkan sekiranya inginkan kemajuan dan pemodenan. Namun mengikut pendapat Ikeda pula ketiga-tiga jenis ‘agama baru’ tersebut berbeza dari agama yang lebih tua seperti Islam, Kristian dan Buddha yang berusaha mengawal dan menghilangkan ketamakan manusia.

Demikianlah serba sedikit mengenai pandangan Islam terhadap sekularisme yang sememangnya bertentangan dengan prinsip dan pegangan hidup masing-masing. Islam menentang habis-habisan idea dan amalan sekular dari pelbagai aspek kehidupan yang berlandaskan hukum syarak. Malah Islam juga menentang segala jenis kemungkaran dan menegakkan kebenaran untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.

3.2 SERANGAN SEKULARISME OLEH MUSUH-MUSUH ISLAM

Dunia Islam dan Barat sekular mempunyai pertentangan aliran yang jelas seperti yang telah dinyatakan oleh penulis. Oleh itu penulis membuat andaian bahawa peradaban kita tidak akan berkembang dan stabil sekiranya terdapat sedikit idea sekular ini. Malah yang lebih membimbangkan apabila kita seolah-olah terpaksa menerima pemodenan untuk maju dan bertamadun yang berteraskan pembaratan sehingga membawa unsur-unsur kekufturan (sekularisme). Dalam menuju alaf baru ini sudah pasti globalisasi menyumbang ke arah peresapan pelbagai fahaman sekularisme iaitu dunia tanpa sempadan.

Sekularisme menurut golongan sekular diidentifikasi selari dengan pencapaian ilmu pengetahuan dan kemajuan sementara agama menyebarkan nilai-nilai yang sebaliknya. Untuk memahami bagaimana musuh-musuh Islam berusaha menyerapkan idea ini maka perlu dikenal pasti musuh tersebut terlebih dahulu. Dan bagaimana cara mereka

menjalankan misi dan visinya? Kesemua persoalan ini dapat dilihat apabila dikenal pasti siapa, punca dan sebab yang mendorong mereka bertindak sedemikian.

3.2.1 Orientalisme (Zionisme)

A. Muin Umar menyatakan “Orientalisme berasal dari kata Orient dan isme. Orient ertinya Timur dan isme ertinya faham, lawannya ialah Occidentalisme, yang terdiri dari kata Occident ertinya Barat dan isme ertinya faham.”⁶ Mereka giat melakukan pengumpulan ilmu pengetahuan yang berasal dari Timur untuk memperkuatkan sahsiah diri, penyelidikan dan pembelajaran untuk menghadapi kekuatan Islam yang dianggap musuh utama dan menguasai dunia. Manakala Mahmud Hamdi Zaqzuq dari buku asalnya bertajuk *Al-Istishraq Wa-al-Khalfiyyah Li al-Sira' al-Hadari* yang telah diterjemahkan menyatakan “*Al-Istisyraq* (orientalisme) ialah ilmu Timur atau ilmu yang berhubung dengan dunia Timur.”⁷

Terlebih dahulu perlu dilihat sejarah kemunculan dan perkembangan orientalis ini. Orientalis berusaha menguasai semua bidang ilmu pengetahuan yang menjadi dasar penyelidikan terhadap Islam. Tarikh yang tepat mengenai kemunculannya sukar dipastikan namun terdapat pengkaji yang menunjukkan orang Kristian telah menyatakan kelahiran orientalis secara rasmi semasa resolusi perhimpunan gereja di Vienna pada tahun 1312 M. Malah terdapat juga pendapat yang menyatakan kemunculannya lebih awal dari tarikh ini. Menurut Mahmud Hamdi Zaqzuq lagi iaitu :

“Ada setengah-setengah pengkaji mengatakan bahawa orientalisme bermula pada kurun yang kesebelas Masihi, sementara Rudi Poret, berpendapat bahawa permulaan kajian tentang Islam

dan bahasa Arab di Eropah bermula pada kurun kedua belas. Pada masa yang sama juga Al-Quran telah diterjemahkan kepada bahasa Latin dan satu kamus bahasa Latin-Arab telah disusun.⁸

Selain itu dikatakan permusuhan yang berlaku antara Islam dan Kristian di Sepanyol dan Sevilla menyebabkan kemunculan orientalisme di Barat begitu juga sebab tercetusnya Perang Salib. Apakah tujuan atau pendorong pergerakan mereka? Tujuan utama ialah untuk mengetahui bahasa Timur yang membolehkan mereka mengenali peradaban dunia Timur lantas mencari strategi bagi menyebarkan fahaman dan kepercayaannya. Namun mereka juga telah mengubah pemikiran orang Eropah terhadap Islam yang dianggap musuh seperti di zaman pertengahan. Oleh itu terdapat tulisan-tulisan yang adil iaitu mengakui sumbangan Islam terhadap tamadun Barat dan kebenarannya, bersifat sederhana dan ekstrim (memusuhi Islam) mengenai Islam di kalangan tokoh mereka. Walaupun begitu, tulisan yang berbentuk pemikiran yang betul mengenai Islam selalunya menimbulkan reaksi penentangan dan kecaman.

Perkara ini berlaku kerana mereka gagal menukarkan corak pemikiran Barat yang keliru tentang hakikat kebenaran Islam yang sebenarnya. Seterusnya gerakan orientalis ini dapat kita kaitkan dengan pandangan dan dasar penjajahan Barat terhadap Islam hingga kini terutamanya yang berbentuk idea yang sekular. Ia terbukti dengan adanya perhimpunan antarabangsa di kalangan para orientalis bagi memantap peranan masing-masing. Mahmud Hamdi Zaqzuq menambah “Perhimpunan orientalis Jerman yang pertama telah diadakan di bandar Darsden, Jerman pada tahun 1849 dan ia masih diadakan hingga kini dengan penyusunan jadual yang kemas.”⁹ Seterusnya mereka berusaha mengembangkan fahaman dan iingin menjadi penguasa di dunia maka terdapat misi untuk

melemahkan umat Islam kerana Islam adalah cabaran utama yang dapat menggugat kemaraan mereka.

Oleh itu bagaimana dan aliran pemikiran atau fahaman sebagaimana yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh mereka perlu diberi perhatian. Misalnya ideologi-ideologi yang didukungi oleh orientalis telah memberikan kesan terhadap umat manusia. Oleh itu perlulah dilihat usaha dan cara mereka menyebarkan fahaman tersebut.

3.2.1 (a) Tujuan Kegiatan Orientalis

Walaupun mereka menunjukkan tujuan yang bersungguh-sungguh dalam memahami Islam dan menceburi kegiatan ilmiah namun terdapat sesuatu yang tersirat disebaliknya. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tujuan mereka ialah untuk memerangi Islam dan mencari kelemahan umatnya. Apabila ditemui maka mereka akan menonjolkan kelemahan tersebut seperti memperkecilkan kedudukan Islam termasuklah ajaran-ajarannya. Malah ada yang mendakwa agama itu diambil dari Kristian dan Yahudi yang menjadi asas keagungan agama dan ketinggian peradaban. Mahmud Hamdi Zaqzuq menegaskan bahawa mereka menolak keaslian Islam dalam pemikiran iaitu “Taumann juga berpendapat kitab umat Islam menghalang perbincangan akal yang bebas”.¹⁰ Mereka juga dikatakan ingin menutup kebenaran Islam dan mendakwa terdapatnya kekurangan dari beberapa aspek kehidupan. Malah ada yang mendakwa pegangan kapada agama ini boleh membawa kerosakkan dan bencana.

Malah mereka juga mahu umat Islam mencontohi dan mengikuti fahaman mereka agar dapat hidup secara harmoni dan sejahtera. Namun terdapat juga tujuan yang bukan

berbentuk agama dan kepercayaan seperti yang telah dinyatakan. Misalnya untuk tujuan akademik iaitu dengan mendalam Islam dan menyokong kebenarannya namun bilangan mereka amat sedikit.

Tujuan politik jelas dilihat dari sudut perluasan jajahan seperti yang berlaku pada abad ke 19 dan 20. Ia terbukti dengan adanya penyerapan unsur-unsur bangsa penjajah kepada yang dijajah iaitu sistem pemerintahan, undang-undang, perlembagaan dan sebagainya supaya negara yang dijajah dapat mentadbirnya menurut acuan mereka. Malah amalan demokrasi yang dianjurkan juga dikatakan tidak membawa keadilan. Ini kerana demokrasi mengajukan setiap pemilihan pemimpin berdasarkan suara majoriti walaupun pemimpin berkenaan gagal menunaikan tanggungjawab yang sebenar dan mereka bukannya dipilih berdasarkan ketokohan dan kelayakan menurut hukum Islam.

Selain itu untuk tujuan ekonomi pula wujudnya sistem ekonomi sekular dari sudut pengurusan kewangan, institusi perbankan dan seumpamanya. Mereka banyak mengarang buku dan penulisan yang menonjolkan kebaikan sistem ekonominya. Namun tidak dapat dinafikan terdapat juga banyak unsur kebaikan ke atas sistem yang diperkenalkan seperti menggalakkan persaingan, amalan menabung, kerjasama ekonomi dan sebagainya. Tetapi corak perniagaan yang dijalankan selalunya tidak menurut hukum syariat Islam seperti pengamalan riba, mengejar material ke arah gaya hidup moden dan lain-lain. Menurut Abdul Razak b. Chik dari UUM melalui kertas kerjanya bertajuk ‘Sekularisasi Ekonomi di Malaysia’ menyatakan :

“Apabila kita gagal memahami betapa komprehensifnya Islam berbanding sekularisme - merentasi faktor-faktor ekonomi dan non-ekonomi seperti akhlak, etika, sosial dan politik – maka kita akan

gagal untuk meletakkan kerangka asas *Hablumminallah* dan *Hablumminannas* di dalam perspektif perekonomian yang sebenar.”¹¹

Kesannya sistem ekonomi yang bebas dari pengaruh agama membawa bencana sehingga mewujudkan krisis ekonomi yang memufliskan negara seperti kes di Indonesia yang telah mendapat bantuan dari Yayasan Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan menanggung beban hutang yang banyak.

Terdapat pelbagai tokoh orientalis yang dapat dilihat menjalankan aktiviti yang bersifat sekular dan memusuhi Islam misalnya terdapat tenaga pengajar di universiti di Barat seperti di Fakulti Pengajian Timur (Islam dan orientalisme) seperti Joseph Schact, Marxime Rodinson dan A.H. Muller. Malah zionisme juga menggunakan ideologi Sosialisme, Komunisme, Hitlerisme, Humanisme dan Nasionalisme sebagai rancangan untuk menguasai dunia. Masing-masing mahu meningkatkan kekuatan fizikal dan bukannya kerohanian untuk keamanan sejagat. Menurut Herbert L. Peacock dalam bukunya *A History of Modern Europe, 1789-1970* menyatakan “Perasaan irihati kuasa-kuasa besar dan penggunaan kuasa pembatal telah menghalang pembentukan satu pasukan penjaga keamanan antarabangsa dan sering kali resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu diabaikan.”¹² Ini membuktikan kuasa-kuasa besar dunia menggunakan kuasa pembatal (veto) apabila terdapat sesuatu perkara yang tidak dipersetujui atau boleh mendatangkan manfaat kepada mereka. Ia menggambarkan ketidakadilan politik antarabangsa apabila beberapa negara sahaja yang memegang tumpuk kekuasaan dan ternyata tiadanya negara Islam yang mewakili suara sebahagian besar umat dunianya.

Demikianlah tujuan-tujuan kegiatan orientalis yang berjaya menyerapkan elemen pemikiran dan nilai sekularisme dalam kehidupan umat Islam. Mereka juga mempunyai pelbagai karektor, pandangan dan matlamat tersendiri bagi setiap individu atau secara berkumpulan. Kesemua ini jika dipandang dari sudut keburukannya dapat memberikan kesan yang dahsyat apabila umat Islam tidak berusaha meningkatkan pengetahuan terhadap ajaran Islam yang sebenarnya bagi menghadapi fitnah dan salah faham mereka terhadap intipati Islam yang hakiki. Malah kita juga harus meningkatkan jatidiri ke arah ketinggian peradaban bagi menyaingi musuh-musuh Islam.

3.2.2 Gerakan Modernis Islam

Terdapat orang Islam sendiri yang menjadi agen bagi menyebarkan fahaman dan ideologi sekularisme di kalangan umat dan negaranya. Ini kerana mereka terpengaruh dengan idea-idea yang dipelajari dari Barat dan tokoh ilmuan berpemikiran sekular yang menganggap kemodenan adalah penting untuk maju dan membangun.

Menurut Ali Syariati melalui artikelnya “Peradaban dan Modernisasi” menyatakan kemodenan adalah satu masalah paling penting yang dihadapi oleh masyarakat Eropah dan Islam. Malah modeniti seperti dipaksakan ke dalam peradaban kita telah dianggap paling ideal. Umat Islam sendiri menginginkan modernisasi dengan melakukan kerjasama dengan Barat sekular untuk setanding dan maju seperti mereka. Sebenarnya modernisasi menurut Ali Syariati akan mengubah tradisi dan membawa cara hidup berbentuk material atas alasan untuk kemajuan.

Manakala menurut Maryam Jameelah (Margaret Marcus) dalam bukunya Islam dan modenisme pula menyatakan kaum modeniti ini mengakui keislamannya dan mengatakan mereka yang benar dan baik. Mereka menganggap penentangnya sebagai pengganas, fanatik, revolusioner, barbarianisme dan menuju kesesatan. Di antara tokoh-tokoh modeniti Islam antaranya ialah Sayyid Ahmad Khan iaitu perintis modenisme di dunia Islam yang berasal dari Delhi, dilahirkan pada tahun 1817 dan meyakini kekuatan dunia Barat disebabkan kemajuan di bidang sains dan teknologi, pendidikan, sosial dan soal-soal spiritual iaitu meninggalkan pelbagai fahaman yang bertentangan dengan kemodenan.

Maryam Jameelah melalui bukunya Islam dan Modenisme memberikan beberapa bentuk tafsiran atau aliran pemikiran (ajaran) Sayyid Ahmad Khan iaitu :

1. Poligami bertentangan dengan semangat Islam dan hal ini tidak akan diizinkan kecuali dalam keadaan yang memaksa.
2. Islam dengan tegas melarang perbudakan, termasuk perbudakan dari tawanan perang yang meskipun diperkenankan oleh syariah.
3. Bank moden, transaksi perdagangan, pinjaman serta perdagangan internasional yang meliputi ekonomi moden, meskipun semua itu mencakup pembayaran bunga, tidaklah benar kalau dianggap riba kerana hal itu tidak bertentangan dengan hukum Al-Quran.
4. Hukum potong tangan yang didasarkan pada Al-Quran dan Sunnah bagi pencuri, lemparan batu serta cambukan seratus kali bagi penzinaan adalah biadap dan hanya sesuai untuk masyarakat primitif yang kekurangan tempat penjara.
5. Jihad itu dilarang kecuali dalam keadaan yang memaksa untuk mempertahankan diri.¹³

Demikianlah pandangan pemikiran sekular oleh orang Islam yang hanya melihat kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakatnya tanpa membangunkan martabat agama dan kerohanian.

3.3 PERTEMBUNGAN PERADABAN

Pertembungan ideologi yang berlainan dan pertembungan peradaban juga menghalang perlaksanaan perdamaian antarabangsa serta mengakibatkan konflik antara negara. Perbezaan di antara peradaban ini boleh dibandingkan dari sudut agama, sejarah, budaya, bahasa dan tradisi. Seterusnya mengungkapkan perbezaan pandangan dari sudut hubungan Tuhan dan manusia, antara negara dan warganegara, individu dan kelompok, kebebasan dan kuasa, hak dan tanggungjawab dan seumpamanya.

Samuel P. Huntington melalui teorinya "*The Clash of Civilizations*" telah menyatakan musuh utama Barat masa kini ialah Islam. Beliau ialah Profesor Eaton mengenai Sains Kerajaan dan Pengarah Institut Kajian Strategik John M. Olin di Universiti Harvard. Beliau menyatakan beberapa sebab berlakunya pertembungan peradaban di antaranya ialah :

"…proses pemodenan ekonomi dan perubahan sosial di seluruh dunia memisahkan orang daripada identiti tempatan yang telah berakar umbi. Proses ini juga melemahkan negara bangsa sebagai asas identiti. Disebahagian besar dunia, agama telah menimbuli jurang ini, selalunya dalam bentuk yang dilabelkan sebagai "fundamentalis".¹⁴

Beliau menambah bahawa konflik di sepanjang garis keretakan antara peradaban Barat dan Islam telah berlaku selama 1300 tahun. Pada abad ini juga pada pandangan penulis berlaku pemulihan pensekularan dunia dalam kehidupan sosial yang paling berpengaruh dengan adanya cengkaman globalisasi.

Walau bagaimanapun konflik peradaban berlaku akibat dari sebab utama iaitu agama seperti yang terjadi di kalangan penganut Hindu dan Islam iaitu antara India dan Pakistan. Begitu juga antara Israel dengan Palestin dan orang Bosnia dengan Serbia yang menggambarkan kelemahan PBB untuk berlaku adil dalam menyelesaikan masalah ini. Selain itu di abad ini sebahagian besar budaya Barat telah mendominasi dunia di luar Barat. Namun konflik antara peradaban ini boleh bertukar kepada konflik berbentuk ideologi dan seumpamanya yang lebih dominan. Oleh yang demikian yang pentingnya umat Islam harus moden berdasarkan budaya dan nilai tradisinya tanpa meninggalkan agama dan Jepun adalah contoh negara pertama mencapai kemodenan apabila ia memahami akan falsafah dan tafsiran agamanya tanpa mengikut Barat. Walaupun begitu elemen-elemen sekular tanpa disedari tetap menyerapi manusia jika mereka gagal menuaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah.

3.4. PENSEKULARISASI DALAM PERADABAN UMAT ISLAM (TUMPUAN KEPADA NEGARA TURKI)

Turki telah diperintah oleh empayar Uthmaniyyah selama lebih 600 tahun dan empayar ini berakhir pada tahun 1924 apabila sebuah negara moden diwujudkan oleh Kemal Ataturk. Berdasarkan peristiwa ini pemikiran dan peradaban orang Islam telah dikuasai oleh sekularisme sepenuhnya apabila Kamalisme dijadikan satu prinsip perjuangan. Menurut Fadhlullah Jamil "Sebagai satu ideologi politik, Kamalisme telah melahirkan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam selaku Al-Din."¹⁵ Beliau dipilih sebagai tokoh yang dianalisa dan dikaji oleh penulis kerana ia telah mengasaskan pemerintahan sekularisme dan menjadikannya elemen penting dalam seluruh aspek kehidupan rakyatnya ketika itu yang kemudian terus diamalkan sehingga ke hari ini.

Pertamanya Kemal Ataturk yang berperanan membina peradaban bangsa Turki moden adalah agen sekularisme yang unggul di sebuah negara Islam yang mashyur satu ketika dahulu. Beliau dilahirkan pada tahun 1881 di Salonika, ayahnya bernama Ali Reza seorang pegawai rendah kerajaan dan ibunya bernama Zubeyde Hanim (Zubaidah). Salonika adalah sebuah bandar yang dipenuhi oleh Freemason Loges. Pahrol Mohamad Juoi menerusi bukunya Kamal Ataturk Ideologi dan Kesannya Ke Atas Rakyat Turki menjelaskan “Lebih separuh daripada 70,000 penduduk Salonika terdiri daripada Yahudi Dunnama (golongan Yahudi yang pura-pura masuk Islam tetapi mengekalkan keyahudiannya) semasa Ataturk dilahirkan.”¹⁶

Beliau bersifat pro-Yahudi dan sejak kecil lagi membenci dan menentang guru-guru agama di sekolahnya serta lebih berminat di bidang ketenteraan misalnya pada tahun 1907 telah dinaikkan pangkat sebagai mejar. Sikapnya ini diakui oleh Amstrong iaitu menurut Amstrong, “dia pernah menghabiskan sebahagian masanya bergaul dengan beberapa orang paderi Dominican (Dominican Monks).”¹⁷ Beliau telah mengahwini Latifa Hanim berpendidikan tinggi dari Eropah iaitu anak kepada Usa Kizade Muammer seorang pedagang kaya dari Izmir. Namun perkahwinannya ini gagal disebabkan sifat buruknya yang kaki perempuan. Beliau berjaya memperolehi kedaulatan Turki dengan berunding di Persidangan Lausanne melalui orang kanannya Ismet Inonu (perunding) dan bersetuju dengan syarat-syarat mereka (Eropah). Pahrol Mohamad Juoi menerangkan syarat-syarat tersebut ialah :

1. Menghapuskan khalifah Usmaniyah, usir khalifah dari Turki dan serta hartanya.
2. Turki mesti menghapuskan semua ajaran Islam, sufi dan sebarang kumpulan yang ada kaitan dengan Islam.
3. Turki mesti memutuskan hubungan dengan negara-negara Islam.

4. Turki mengambil undang-undang barat (moden) menggantikan perlembagaan Islam.¹⁸

Inilah langkah awal penyerapan ideologi sekularisme dan apabila beliau memerintah Turki (melalui partinya *People Republican Party*) serta mengukuhkan kedudukannya apabila kesultanan Uthmaniyyah telah dihapuskan pada tahun 1922. Gagasan untuk menegakkan Republik Turki dilaksanakan secara rasmi pada Ogos 1923 dan Kemal Ataturk telah dipilih menjadi Presiden Turki yang pertama pada Oktober 1923. Pada 3 Mac 1924 pula akta untuk menukuhkan sistem khalifah dimansuhkan dan sultan dipaksa turun tahta. Lanjutan dari itu apabila sistem khalifah dimansuhkan maka perpaduan umat telah terjejas.

Pendekatan yang dijalankan ialah mahu menjadikan Turki seperti negara Barat yang dianggap maju dan moden dan meninggalkan agama Islam. Hamedi Mohd Adnan menyatakan Mohamed Abu Bakar memberikan pandangannya mengenai tindakan-tindakannya yang paling disenangi oleh pihak Barat kepada Turki ialah “QUAVES LES FEMME FERMEZ LE CORAN” ATAU “BUKA WANITA TUTUP AL-QURAN.”¹⁹ Bermulanya dasar-dasar pemerintahan beliau menyebabkan kesan sekularisme di Turki dapat dilihat sehingga ke hari ini dan pemikiran ini sukar dikikis dari jiwa mereka.

3.4.1 Dasar-dasar Pemerintahan Kemal Ataturk

Dasar sekular beliau dimanefastasikan dalam dasar-dasar yang menolak Islam sebagai amalan dalam urusan pentadbiran dan politik. Beliau anti terhadap Tarekat Sufi iaitu dianggap ‘kumpulan rahsia’ yang boleh mengancam negara. Pada tahun 1926 pengantian Undang-undang Syariah kepada hukum-hukum Barat. Tindakannya yang bercanggah dengan ajaran Islam ialah perlaksanaan Undang-undang Awam Turki iaitu

Undang-undang sivil mengikut model Switzerland, undang-undang perkahwinan (poligami diharamkan, perkahwinan secara mendaftar diberi pilihan dan wanita boleh berkahwin dengan bukan Islam) dan pembahagian harta pusaka sama rata antara lelaki dan perempuan. Manakala undang-undang jenayah diambil dari Itali dan kanun perdagangan Turki berdasarkan undang-undang kanun Jerman.

Pembinaan peradaban Turki moden dijalankan dengan mengamalkan sekularisasi secara radikal. Fadhlullah Jamil mengiyakannya iaitu “Misalnya pada Oktober 1925, satu undang-undang iaitu Undang-undang Topi telah diluluskan.”²⁰ ini bermakna pemakaian tarbus dan tudung telah diharamkan dan sesiapa yang mengengkari akan dihukum. Wanita digalakkan membuka aurat dan berpakaian cara Barat untuk menturkikan diri sebagai seorang Eropah. Pada tahun 1926, Takwim Islam telah digantikan dengan kalender Kristian (Gregorian). Fadhlullah Jamil menambah “ Pada tahun 1928 pula, fasal yang menetapkan Islam sebagai negara bagi Turki telah dihapuskan daripada perlumbagaan kebangsaan.”²¹ Ada yang mencadangkan cara bersembahyang mengikut Kristian yang disertai secara berkumpulan, muzik dan orkestra. Reformasi bahasa juga dilakukan dengan mengikis pengaruh Islam iaitu tulisan rumi diwajibkan dan huruf-huruf Al-Quran diharamkan penggunaannya dengan mengutamakan bahasa Turki sehingga azan dalam bahasa tersebut termasuklah pembacaan Al-Quran. Kesannya generasi muda Turki tidak dapat membaca Al-Quran, mempelajari pelbagai hadith dan kitab agama serta mereka kehilangan identiti dari sudut agama dan bangsa (akibat kelemahan bahasa).

Juga melalui pendidikan beliau mementingkan peranan guru untuk mengembangkan dasarnya itu dan pernah berucap dalam Perhimpunan Kebangsaan pada 10 November 1925

tentang kepentingan pendidikan. Menurut sumber *The General Secretarial of the National Security Council* misalnya :

*"All in aspects of life in education discipline in the basic element of success. All teachers and instructors must establish discipline, and the students must accept discipline in the schools."*²²

Berikut dengan itu fakulti Usuluddin di Universiti Istanbul yang diwujudkan pada tahun 1924 telah ditutup di bawah sistem pendidikan sekular yang baru. Kemal Ataturk sebenarnya ingin mencipta masyarakat yang moden dan rasional berdasarkan idea negara bangsa dengan mengurangkan pengaruh Islam dalam negara sehingga terdapat jurang yang luas antara budaya Islam dengan elit sekular.

Reformasi sejarah juga dilancarkan pada tahun 1932 iaitu menyelewengkan fakta sejarah dengan meyakinkan bahawa bangsa Turki pernah menempa peradaban yang gemilang sebelum menerima Islam. Islam juga sering digambarkan sebagai penghalang kemajuan bangsa Turki yang mundur dan dianggap sebagai kolot. Manakala hari kelepasan negara Turki ditukar dari hari Jumaat kepada Ahad. Perkara yang menyediakan berlaku apabila beliau menukar fungsi Masjid Aya Sofya kepada sebuah muzium dan mengistiharkan orang dewasa boleh menukar agamanya jika ia kehendaki. Menurut H.A Mukti Ali :

*"Sebagai hasil dari reformasi-reformasi terakhir yang dianjurkan oleh Muhammad Kemal, bahawa wanita-wanita Turki diberi hak untuk memilih dalam perwakilan parlimen dan untuk dipilih sebagai anggota perliment sejak bulan Disember 1934."*²³

Malah emansipasi wanita juga dianjurkan dan ia adalah program pembaratan untuk membaratkan rakyat termasuklah hak mengundi dan memegang jawatan dalam pentadbiran awam.

Kesimpulannya Kemal Ataturk amat menyanjungi Barat sehingga membenci Islam seluruhnya dan ia dapat dilihat dari prinsip-prinsip dalam manifestonya pada 20 April 1931. Prinsip-prinsip tersebut diterangkan oleh H.A Mukti Ali sebagai :

“Enam prinsip itu terdiri dari Republikanisme, Nasionalisme, Populisme, Etatisme, Sekularisme dan Revolusinarisme, diambil oleh Parti Republik Rakyat dan dimasukkan dalam konstitusi.”²⁴

Pendekatan untuk menjadikan masyarakat dan negara sekular menerusi prinsip Republikanisme terbukti dengan ketiadaan corak kesultanan Uthmaniyyah. Nasionalisme menekankan wilayah Turki didominasi oleh mereka yang berbangsa dan berbahasa Turki dengan proses penturkian secara menyeluruh. Populisme pula adalah amalan demokrasi berperwakilan yang memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk mentadbir. Manakala Etatisme menekankan dasar mencegah monopoli kekayaan oleh segelintir manusia khususnya pihak kapitalis tetapi lebih mementingkan soal material. Terakhir ialah Revolusionarisme yang melambangkan azam Turki melakukan perubahan agresif dengan menolak nilai-nilai tradisi dan agama. Inilah di antara prinsip berbentuk sekular yang dijadikan teras pemerintahan kerajaan Turki dan ia berlanjut hingga kini.

Jika hendak disenaraikan memang banyak kejayaan beliau dalam mensekularkan negara dan rakyatnya namun apa yang penting dari penjelasan tadi ialah apabila elimen-

sekularisme diadaptasikan maka ia pasti akan mengubah negara dan rakyat dari jalan kebenaran Islam.

3.4.2 Kesan Dasar Sekularisme Negara Turki

Pemerintahan ditaktor beliau selama 20 tahun berakhir dengan kematianya pada 10 November 1938. Pendekatannya untuk mendirikan peradaban moden membuktikan kegagalan pemerintahannya dengan ketiadaan pembinaan yang mempunyai ketinggian peradaban seperti di zaman Empayar Uthmaniyyah dengan adanya pelbagai masjid dan istana agung tetapi yang ada ialah patung-patung dan gambar beliau.

Hasratnya untuk memajukan Turki setaraf dengan Barat seperti yang diimpikan gagal dan negaranya diancam oleh ketidakstabilan dalam negeri dari sudut ekonomi dan sosial. Ini jelas dari reaksi penentangan rakyat melalui gerakan Islam dan para ilmuan. Pada 23 Disember 1930 Sheikh Mahmed dan pengikutnya di bandar Menemen bersyarah mengajak umat Islam mengenakan kembali pakaian menutup aurat dan menggunakan bahasa Arab. Kemal Ataturk bertindak dengan menghantar tenteranya menangkap pengikut-pengikut sufi itu dan ramai dijatuhi hukuman gantung. Melalui media pula seperti suratkhabar telah membuat kritikan terhadap dasarnya seperti suratkhabar Tarin, Ikdan dan Tauhidiy. Begitu juga penentangan di kalangan tentera dan pelbagai lapisan masyarakat namun Kemal berjaya menumpaskannya.

Sehingga kini didapati larangan menutup aurat umpamanya masih berkuatkuasa dengan melarang pelajar-pelajar wanita universiti dan ahli dewan parlimen dari memakai tudung. Gaya kepimpinan beliau telah dijadikan ikutan para pemimpin lain termasuk

Gamal Abd Nasir dari Mesir, Habib Bourgiba dari Turnisia, Riza Shah dari Iran dan pelbagai pemimpin negara Islam. Namun yang paling jelas pemodenan yang dilakukannya tidak berjaya dari segi minda dan spiritual cuma berdasarkan ideologi sahaja apabila Turki kini adalah di antara negara Islam yang miskin. Malah kuasa-kuasa Eropah sehingga kini tetap tidak menerima Turki setaraf dengannya terutama permohonan untuk menyertai Pertubuhan Ekonomi Eropah sebagai langkah memperbaiki ekonominya.

Walau bagaimanapun idea sekularisme beliau tetap dijadikan panduan pemerintahan Turki hari ini. Fazlur Rahman telah mengakui bahawa melalui politiklah rancangan kaum sekular akan terancam. Tetapi apabila pemerintah sendiri berminat dengan ideologi ini dan diikuti rakyat maka ia sukar dibendung. Malah tidak terdapat penyertaan intelektual yang lebih bererti dan berkembang maju sejak Kemal Ataturk berkuasa kecuali polisi pendidikan pemerintah.

Oleh itu negara Turki adalah contoh terbaik kepada umat Islam seluruh dunia untuk dijadikan pengajaran. Sehingga hari ini negara Turki sukar mengikis pemikiran, amalan dan idea sekular ini walaupun terdapat kesedaran yang tinggi di kalangan rakyat untuk mengembalikan keagungan Islam sejak kematiannya dan kegemilangan peradaban Islam yang pernah ditempuhi dahulu.

NOTA HUJUNG

- ¹ Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan "Cabaran Sekularisme Ke Atas Umat Islam", pada 30 April - 1 Mei 2000, Anjuran Persatuan Ulama Kedah dan Teras Pengupayaan Melayu(TERAS), Hj. Wan Abdul Rahman Wan Abd. Latif, *Sekularisme Politik dan Survival Ummah*, Sungai Petani, Kedah, hlm 2.
- ² Ibid, hlm 3.
- ³ Ibid, hlm 3.
- ⁴ Kenyataan ini dibuat oleh Muhammad Natsir melalui risalahnya 'Trajadi Pembangunan Yang Pincang' mengenai seorang Profesor dari Pusat Perguruan Tinggi di Amerika (Institut Teknologi Massachusetts) yang berucap di Persidangan Para Pendidik Bangsa-bangsa Bersatu UNESCO yang kemudian dipetik oleh Sulaiman Noordin ke dalam bukunya *Sains Barat Moden dan Percanggahan Dengan Islam*, Nuur Publications, Kajang, Selangor, 1979, hlm 54.
- ⁵ Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda, *Memilih Kehidupan Satu Dialog*, Terj. Asmah Hj. Omar, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988, hlm 379.
- ⁶ A. Muin Umar, *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1978, hlm 7.
- ⁷ Mahmud Hamdi Zaqzuq, *Orientalisme Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*, Terj. Mudasir Rosder, Che Yusuf Che Mat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm 1.
- ⁸ Ibid, hlm 3.
- ⁹ Ibid, hlm 21.
- ¹⁰ Op.cit, Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1989, hlm 85.
- ¹¹ Kertas Kerja Dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan "Cabaran Sekularisme ke atas Umat Islam", pada 30 April - 1 Mei 2000, Anjuran Persatuan Ulama Kedah dan Teras Pengupayaan Melayu (TERAS), Abdul Razak b. Chik, *Sekularisasi Ekonomi di Malaysia*, Sungai Petani, Kedah, hlm 4.
- ¹² Herbert L. Peacock, *Sejarah Eropah Moden*, Terj. Amri Hasbullah dan Zaidah Othman, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976, hlm 543.
- ¹³ Maryam Jameelah, *Islam dan Modernisme*, Terj. A. Jainun dan Syafiq A. Mughni, Usaha Nasional, Surabaya Indonesia, 1982, hlm 81-82.
- ¹⁴ Samuel P. Huntington, *Pertembungan Peradaban*, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Malaysia, 1992, hlm 4-5.
- ¹⁵ Fadhlullah Jamil, *Islam di Asia Barat Moden Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*, Thinker's Library, Percetakan Putrajaya, Selangor, 2000, hlm 159.
- ¹⁶ Pahrol Mohamad Juoi, *Kamal Ataturk Ideologi dan Kesannya Ke Atas Rakyat Turki*, Penerbitan Hikmah, Kuala Lumpur, 1994, hlm 12.
- ¹⁷ H.C Armstrong, *The Grey Wolf*, Arthur Barker Ltd, London, 1937, hlm 26.
- ¹⁸ Op.cit, Pahrol Mohamad Juoi, 1994, hlm 19.
- ¹⁹ Hamedi Mohd Adnan, *Krisis Timur Tengah*, Penerbit Amal, Kuala Lumpur, 1991, hlm 2.
- ²⁰ op.cit, Fadhlullah Jamil, 2000, hlm 166.
- ²¹ Ibid, hlm 167.
- ²² The General Secretarial of the National Security Council, *12 september In Turkey Before & After*, Printed Ongun Kardesler Printing House, Ankara, 1982, hlm 7.
- ²³ H.A Mukti Ali, *Islam dan Sekularisme di Turki Moden*, Penerbit Djambatan, Jakarta, 1994, hlm 90.
- ²⁴ Ibid, hlm 83.